

09 MAR 2000

MAHATHIR BERLEPAS KE JAKARTA UNTUK LAWATAN RASMI

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Jakarta pagi ini untuk melakukan lawatan sehari bagi tujuan mengukuhkan hubungan dua hala.

Dr Mahathir yang ditemani isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas dengan sebuah penerbangan khas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Yang turut berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

Dr Mahathir dijadual mengadakan perbincangan tertutup dengan Presiden Abdurrahman Wahid bagi membincangkan kerjasama dua hala serta isu serantau dan global.

Turut menyertai lawatan berkenaan empat menteri Tun Daim Zainuddin (Kewangan), Datuk Seri Syed Hamid Albar (Luar), Datuk Seri Rafidah Aziz (Perdagangan Antarabangsa dan Industri) dan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik (Perusahaan Utama).

Turut sama ialah delegasi perniagaan seramai 150 orang, diketuai Pengerusi MAS Tan Sri Tajuddin Ramli, yang juga presiden Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia.

Dr Mahathir dijadual berlepas pulang esok pagi.

-- BERNAMA

MNY RON